

MAKLUMAT PERIBADI – NOTIS PRIVASI

Permodalan BSN Berhad (PBSNB) adalah anak syarikat milik penuh Bank Simpanan Nasional (BSN) menghargai privasi anda dan berusaha untuk melindungi data peribadi anda selaras dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta")** yang telah berkuatkuasa.

Kami menghargai hubungan perniagaan kami dengan anda dan adalah penting untuk anda membekalkan kami semua data peribadi yang diperlukan untuk produk, perkhidmatan dan kemudahan kami. Kami perlu mengumpul dan memproses data peribadi anda supaya kami boleh melayani pertanyaan anda, pembukaan dan operasi akaun atau kemudahan bagi anda atau membekalkan anda produk dan perkhidmatan kami.

Notis Privasi ini menerangkan jenis data peribadi yang kami kumpul daripada anda, bagaimana data peribadi anda akan digunakan dan dilindungi, pihak-pihak yang kami kongsi dan dedahkan data peribadi, dan pilihan yang anda ada termasuk untuk mengakses, membetulkan dan mengemaskini data peribadi anda.

JENIS DATA PERIBADI ANDA

Data peribadi anda yang kami ambil berkaitan dengan kemudahan perbankan kami yang anda pohon atau telah dipohon oleh pihak lain tetapi tanggungannya dijamin oleh anda atau pihak yang anda menjadi wakil atau diberi kuasa atau pihak yang berkaitan dengan anda dianggap telah disetujui dan diizinkan anda.

Data peribadi anda berkaitan dengan kemudahan perbankan adalah termasuk tetapi tidak terbatas kepada :

- o Nama Penuh
- o Tarikh Lahir
- o Pekerjaan
- o Majikan
- o Butiran perhubungan (*seperti alamat, nombor telefon, alamat emel*)
- o Nombor Pengenalan
- o Jantina
- o Pendapatan Tahunan
- o Butiran Cukai
- o Bangsa
- o Status Kerakyatan
- o Maklumat Kewangan
- o Nama Pasangan
- o Agama
- o Status Pekahwinan
- o Jumlah Tanggungan
- o Pendidikan

Maklumat peribadi anda juga mungkin kami perolehi dari sumber-sumber lain termasuk tetapi terhad dari mana-mana pihak seperti badan kawal selia, mana-mana agensi kredit, agensi pencegahan penipuan dan rujukan jenayah Kewangan, majikan anda, penjamin atau pembekal cagaran anda dan sumber lain di mana bank mempunyai akses.

TUJUAN PENGAMBILAN DATA PERIBADI ANDA

Kami menghormati privasi data peribadi anda. Oleh itu, data yang kami kumpul daripada anda hanya akan digunakan bagi tujuan yang dinyatakan di dalam Notis Privasi ini. Tujuan data peribadi anda dikumpulkan dan diproses adalah berbeza bergantung kepada jenis hubungan anda dengan kami sebagai subjek data. Kami mungkin menggunakan data peribadi anda untuk salah satu atau lebih daripada tujuan berikut: -

1. membuktikan identiti dan latar belakang anda;
2. memproses permohonan anda untuk kemudahan pelaburan, perbankan, produk dan perkhidmatan kami;
3. melaksanakan semakan kredit dan membantu institusi kewangan lain melaksanakan semakan kredit;
4. mengemaskini rekod kami mengenai anda termasuk memastikan kedudukan kewangan anda melalui semakan rujukan kredit dan membuktikan kebernilaian kredit anda secara berterusan;
5. mengurus dan menyelenggara akaun dan kemudahan anda dengan kami bagi merekabentuk perkhidmatan kewangan atau produk yang berkaitan untuk kegunaan anda;
6. menentukan jumlah keberhutangan anda atau jumlah yang terhutang kepada anda;
7. menguatkuasa obligasi anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada pungutan wang yang belum anda jelaskan dan cagaran anda bagi sesuatu kemudahan;
8. memberikan anda maklumat berkaitan dengan produk, perkhidmatan dan tawaran kami dan pihak ketiga yang mungkin anda minati;
9. menjalankan penyelidikan pasaran dan analisis statistik dan tinjauan dengan tujuan untuk menambahbaik produk dan perkhidmatan kami;
10. menjawab pertanyaan, aduan atau maklum balas anda terhadap produk atau perkhidmatan kami;
11. mencegah dan mengesan kes jenayah (termasuk tetapi tidak terhad kepada penggubahan wang haram, pembiayaan aktiviti keganasan dan pencegahan, pengesanan dan pendakwaan frod);
12. menyokong pemantauan, perancangan dan proses membuat keputusan perniagaan, kewangan dan risiko kami, ;
13. untuk memindahkan atau menyerahkan hak, kepentingan, manfaat dan obligasi kami di bawah perjanjian anda dengan kami; dan
14. untuk apa-apa tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, perintah dan/atau garis panduan.

Notis Privasi ini tidak akan mengubah atau menjejaskan sebarang maklumat yang anda bekalkan kepada kami. Kami tidak akan menggunakan data peribadi anda bagi sesuatu tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan terma privasi yang diperuntukkan dalam perjanjian anda dengan kami tanpa persetujuan anda terlebih dahulu. Apabila menggunakan data peribadi anda bagi tujuan yang dinyatakan di atas, kami mungkin perlu mendedahkannya kepada syarikat induk, anak syarikat, ejen, penasihat dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga kami. Data peribadi anda mungkin akan dipindahkan dan disimpan di lokasi di luar Malaysia. Tidak kira ke mana data peribadi anda dipindahkan, kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah dan perlu untuk memastikan bahawa data peribadi anda berada dalam keadaan yang selamat dan digunakan selaras dengan Notis Privasi ini.

PENDEDAHAN DATA PERIBADI ANDA

Kami akan memastikan data peribadi anda tersimpan sulit tetapi data peribadi yang anda bekalkan boleh didedahkan kepada pihak-pihak berikut:

1. mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah, syarikat induk, anak syarikat, syarikat gabungan, wakil dan cawangan kami dalam mana-mana bidang kuasa ("Bank");

2. penasihat profesional, kontraktor, pembekal perkhidmatan, pembekal insurans, agensi kutipan hutang dan lain-lain ejen Bank yang mempunyai kewajipan kerahsiaan kepada Bank;
3. mana-mana peserta atau sub-peserta sebenar atau berpotensi atau penerima serahhak, novasi atau penerima pindahmilik hak dan/atau obligasi Bank di bawah sebarang transaksi antara Bank dan anda (atau mana-mana agen atau penasihat profesionalnya);
4. mana-mana agensi penarafan atau penyedia perlindungan kredit secara langsung/tidak langsung kepada Bank;
5. mana-mana pihak yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang atau mana-mana badan atau pihak berkuasa kerajaan, separa-kerajaan, pentadbiran, regulatori/pengawasan, mahkamah atau tribunal;
6. mana-mana agensi rujukan kredit yang kami gunakan untuk menjalankan penilaian kredit atau semakan kredit terhadap anda dan pihak-pihak berkaitan dengan kemudahan yang kami sediakan kepada anda;
7. mana-mana penjamin atau penyedia kolateral bagi kemudahan, produk atau perkhidmatan; dan
8. mana-mana individu yang berhasrat untuk menyelesaikan apa-apa wang yang tertunggak di bawah mana-mana akaun anda dengan kami.

Selain daripada pihak-pihak yang dinyatakan di atas, kami tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada mana-mana pihak lain melainkan anda telah memberikan kebenaran, atau kami diperlukan di bawah undang-undang atau kewajipan lain untuk berbuat demikian. Kami memastikan bahawa data peribadi anda adalah sulit dan dijaga mengikut piawaian keselamatan yang tertinggi.

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI ANDA

Dalam mengekalkan keselamatan data peribadi anda dengan kami, kami memastikan bahawa:

- sistem kawalan keselamatan yang mencukupi dengan gabungan kawalan akses fizikal dan elektronik, teknologi "firewall" dan langkah-langkah keselamatan lain yang munasabah diambil untuk melindungi kerahsiaan dan keselamatan data peribadi anda;
- akses kepada data peribadi anda oleh kakitangan kami adalah berasaskan dasar perlu-tahu sahaja;
- pembekal perkhidmatan, ejen atau kontraktor luaran pihak ketiga kami mematuhi dan mengamalkan piawaian keselamatan yang sama.

MEMAHAMI HAK ANDA UNTUK MENGAKSES DAN MEMBETULKAN DATA PERIBADI ANDA

Kami bersedia membantu anda untuk mengakses dan membetulkan data peribadi anda yang berada dalam milikan kami. Sekiranya anda berhasrat untuk mengakses atau membuat pembetulan, pemadaman atau pengemaskinian mana-mana data peribadi anda dengan kami, anda boleh berbuat demikian melalui Borang Permintaan Mengakses/Pembetulan Data. Kami akan mengenakan caj yang minimum sepertimana yang diperuntukkan oleh Akta bagi akses anda terhadap maklumat yang berada dalam milikan kami.

Namun demikian, kami merizabkan hak kami untuk tidak memproses mana-mana permohonan yang mungkin menjejaskan keselamatan dan privasi data peribadi pihak lain serta permohonan yang tidak praktikal atau tidak dibuat secara suci hati. Sekiranya anda memilih untuk menghadkan hak kami untuk memproses data peribadi anda, anda boleh menghubungi kami secara bertulis. Bagi mengelakkan keraguan, penghadan ini tidak termasuk pemprosesan data peribadi yang wajib.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan atau permohonan untuk mengakses dan/atau pembetulan data peribadi atau sebarang pertanyaan berkaitan dengan Notis Privasi ini atau berkenaan dengan apa-apa penggunaan data peribadi anda, anda boleh menghubungi kami di alamat berikut.

Permodalan BSN Berhad,
Aras 19, Lot 1, Bangunan TH Selborn,
153 Jalan Tun Razak
50450 Kuala Lumpur
Telefon : 03-2180 9000 Faks : 03-7966 5660 / 03-2681 0051
E-mel : info@pbsn.com.my

MEMAKLUMKAN ANDA MENGENAI KEMUDAHAN, PRODUK DAN PERKHIDMATAN TERKINI KAMI

Untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada anda dan memaklumkan anda tentang kemudahan, produk dan perkhidmatan baru yang kami anggap sesuai untuk anda, kami ingin menggunakan butir-butir perhubungan anda (misalnya alamat e-mel, faks, telefon) untuk membekalkan maklumat tentang produk atau perkhidmatan kami kepada anda.

Sekiranya anda tidak ingin dihubungi bagi tujuan pemasaran, sila maklumkan kepada kami melalui notis secara bertulis yang ditujukan ke alamat yang dinyatakan di atas.

PENGEMASKINIAN NOTIS PRIVASI

Kami berhak untuk mengubah atau mengemaskini Notis Privasi ini untuk menyelaraskan apa-apa perubahan terhadap amalan privasi kami. Kami akan memaparkan apa-apa pindaan tersebut dalam notis di laman web atau cawangan kami atau melalui apa-apa cara lain yang sesuai. Kami percaya bahawa anda bersetuju dengan terma di atas dan membenarkan kami memproses maklumat peribadi anda. Jika anda tidak bersetuju dengan perkara di atas, sila hubungi kami di alamat seperti yang tertera di atas.

Tandatangan : _____
 Nama : _____
 Tarikh : _____